

Jokowi naik Proton Persona dipandu Dr. Mahathir

PUTRAJAYA 9 Ogos - Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini membawa Presiden Joko Widodo ke majlis makan tengah hari yang dihoskan beliau di Seri Perdana dengan memandu sendiri sebuah Proton Persona.

Memetik laporan *Bernama*, kedua-dua pemimpin itu bergerak dari Bangunan Perdana Putra selepas selesai mengadakan pertemuan empat mata bersempena lawatan rasmi dua hari Joko ke Malaysia, yang bermula semalam.

Ini merupakan kali kedua Presiden Indonesia yang mesra dipanggil Jokowi itu menaiki kereta dipandu Dr. Mahathir.

Hari ini Dr. Mahathir memandu Persona berwarna merah dengan nombor pendaftaran B 2367 A dan diikuti kenderaan membawa delegasi

lain dari Indonesia.

Pada Februari 2015, Dr. Mahathir pernah memandu uji sebuah kereta Proton bersama Jokowi di litar ujian Sepang.

Dr. Mahathir pernah menjelaskan bahawa usahasama antara Proton dan Indonesia untuk menghasilkan kereta ASEAN akan dihidupkan semula.

Dr. Mahathir dalam pertemuan dengan Jokowi di Jakarta Februari tahun lalu menjelaskan usaha berkenaan telah dipersetujui pada tahun 2015, namun tidak dapat dilaksanakan atas beberapa kekangan.

Pada tahun 2015, Proton menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat Indonesia PT Adiperkasa Citra Lestari yang memudahkan kenderaan jenama Malaysia itu dipasarkan di negara dengan jumlah 252 juta penduduk.



DR. MAHATHIR MOHAMAD memandu kereta Proton Persona untuk membawa **Joko Widodo** ke Seri Perdana bagi majlis makan tengah hari di Putrajaya semalam.